



# Dari Mimbar Al-Hidayah

Percuma

Untuk Ahli Jemaah Sahaja

Bil : 2 Tahun 2008

## MENCARI KELEBIHAN LAILATUL QADAR

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ۚ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ۚ  
 لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ ۚ نَزَّلْنَا الْمَلَائِكَةَ وَالرُّوحَ  
 فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِنْ كُلِّ أَمْرٍ ۚ سَلَّمَ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ۝

Sesungguhnya kami telah turunkan Al-Quran pada Lailatul Qadar dan tahukah kamu apakah Lailatul Qadar ? Lailatur Qadar itu adalah lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turunlah malaikat dan malaikat Jibrail dengan izin Tuhannya untuk mengatur segala urusan. Malam penuh kesejahteraan sampai terbit fajar. ( Al-Qadar )

Ayat di atas membawa maksud yang jelas mengenai Lailatul Qadar. Malam ini adalah merupakan suatu malam istimewa yang kelebihannya tidak diberikan kepada umat selain umat Nabi Muhammad saw. Pada malam itu, segala kebaikan dan ibadah yang dilakukan dilipat gandakan oleh Allah ganjarannya sehingga lebih baik daripada 1000 bulan.

Terdapat juga tafsiran yang disebutkan 1000 bulan adalah kerana menjadi kebiasaan pertuturan orang Arab ketika dahulu bagi menunjukkan sangat banyak. Tidak semestinya tepat 83 tahun dan 3 bulan, malahan mungkin lebih daripada itu.

### Bila Berlaku ?

Banyak hadith yang menyebutkan bahawa Lailatul Qadar berlaku dalam sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan terutamanya malam yang ganjil iaitu malam ke-21, 23,

25, 27 dan 29. Daripada Ibnu Abas, bahawa Rasulullah saw telah bersabda yang bermaksud, "Carilah Lailatul Qadar pada sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan, pada malam yang ke-21, 23 dan 25". ( H.R Al-Bukhari dan Muslim )

Daripada Aishah, bahawa Rasulullah saw bersabda, "Carilah Lailatul qadar pada bilangan yang ganjil dalam tempoh sepuluh hari terakhir bulan Ramadhan". ( H.R Al-Bukhari dan Muslim ). Imam Syafie menekankan pada malam ke-21. Bagaimanapun Imam Malik menyebutkan bahawa carilah pada setiap malam, tidak khusus kepada hari tertentu.

### Hikmah Dirahsiakan

Terdapat banyak pendapat berhubung dengan masa yang tepat bila berlakunya Lailatul Qadar. Apa yang Allah firmankan adalah malam tersebut terlebih baik daripada seribu bulan. Manakala hadis pula menyebutkan pada

sepuluh malam akhir, dengan keutamaan pada malam yang ganjil. Ini adalah suatu hikmah daripada Allah agar kita sentiasa bersiap sedia dalam menyediakan bekalan untuk alam akhirat, sentiasa memperbaiki amalan dan bertaubat kepada Allah. Umpama hikmah Allah merahsiakan kedatangan ajal dan maut setiap insan.

Andaikata telah diketahui secara tepat malam tersebut, mungkin kita akan hanya beramal pada malam tersebut dengan meringan-ringankan atau tidak buat langsung amalan pada malam-malam lain. Cukup beramal pada satu malam, sudah *cover* untuk seribu bulan.

Sebagai jalan selamat, beramallah pada setiap malam Ramadhan dengan keutamaan pada sepuluh hari yang terakhir. Pasti salah satunya akan bertepatan degannya. Jika pun amalan yang dilakukan tidak kebetulan jatuh pada malam Lailatul Qadar,

**PROGRAM MENCARI LAILATUL QADAR DI SURAU AL-HIDAYAH SAUJANA UTAMA  
 MALAM 21, 23, 25 & 27 RAMADHAN, 3.30 - 5.00 PAGI. SEMUA DIJEMPUT TURUT SERTA.**

sekurang-kurangnya kita akan memperoleh gandaan pahala ditawarkan oleh Allah bagi setiap amal ibadah yang dilakukan dalam bulan Ramadhan.

### Tanda-Tanda

Rasulullah dalam satu hadith yang agak panjang ada menyebutkan telah menemui Lailatul Qadar, namun baginda telah dilupakan oleh Allah. Hassan al-Basry menyebutkan bahawa malam tersebut adalah malam yang tenang, damai dan tenteram. Menurutnya lagi, malam tersebut tidak panas dan tidak sejuk, manakala matahari yang terbit keesokannya tidaklah sangat terik sinarannya.

Ini adalah kerana menurut maksud hadith daripada Ibnu Abbas, pada malam tersebut sebanyak 70 ribu malaikat rutin menziarahi masjid, rumah, perkampungan, bilik, kapal mana-mana tempat yang dihuni oleh manusia kecuali rumah yang terdapat anjing, khinzir, arak, orang berjunub ( secara haram ) dan gambar patung.

Ada pula yang menyebutkan pada malam tersebut air laut menjadi manis dan air sungai berhenti mengalir. Semua sujud kepada Allah sehingga pokok kayu tunduk ke bumi, rebah kemudian bangun semula dan sebagainya. Namun semuanya ini tidak dapat diketahui sejauh mana kebenarannya. Kebanyakannya, adalah menurut pengalaman rohaniyah orang-orang tertentu dan tidak dapat dilihat oleh orang kebanyakan seperti kita.

### Amalan-Amalan

Tidak banyak disebutkan tentang amalan yang khusus dilakukan pada

Lailatul Qadar. Aishah pernah bertanya kepada Rasulullah saw, jika bertemu Lailatul Qadar, apakah yang elok dilakukah. Rasulullah saw kemudian mengajarkan doa berikut;

اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ  
تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنِّي

**Ya Allah, sesungguhnya engkau Maha Pengampun, suka mengampunkan, maka ampunilah aku**

Selain daripada itu, elok dilakukan solat sunat lain seperti solat sunat tasbeih dan tahajjud, berzikir, membaca al-qur'an, beriktikaf, bertaubat dan memohon doa kehadiran Allah, nescaya tercapai apa yang dipohon.

Diriwayatkan dari Aisyah ra. ia berkata, "Adalah Rasulullah saw mengamalkan i'tikaf pada sepuluh hari terakhir pada bulan Ramadhan sampai beliau diwafatkan oleh Allah Azza wa Jalla". ( H.R : Al-Bukhari dan Muslim )

### Qiyamullail

Berkata juga Aishah, adalah Rasulullah saw apabila masuk 10 malam terakhir Ramadhan, baginda menghidupkan malam-malam ( qiyamullail ) tersebut dan membangunkan isterinya untuk mengerjakan ibadah dengan rajin dan bersungguh-sungguh.

Sabda Rasulullah saw, 'Dirikanlah solat malam meskipun masanya sekadar memerah susu seekor kambing dan ( waktu ) selepas Isya' itu dikira sebagai malam'. ( H.R At-Tabrani )



### Berjemaah Isya' Dan Suboh

Imam Malik ada menyebutkan, 'Sesiapa hadir solat Isya' dengan berjemaah pada malam Lailatul Qadar, maka dia telah mendapat habuan dari itu.

Dari Usman bin Affan, telah bersabda Rasulullah, "Barangsiapa solat Isya' berjemaah, seolah-olah ia telah solat seperdua malam dan barangsiapa solat Suboh berjemaah, seolah-olah ia telah solat malam itu seluruhnya". ( H. R Muslim )

Apa yang perlu dilakukan ialah melakukan kebajikan dan amal ibadah pada 10 malam terakhir bulan Ramadhan, insya'allah akan ada ganjaran yang setimpal daripada Allah. Jika tidakpun bertepatan dengan Lailatul Qadar, sekurang-kurangnya lipat gandaan amalan oleh Allah keatas setiap amalan dan kebajikan yang dilakukan, akan diperolehi.

Dari Abu Hurairah, bahawa Rasulullah saw telah bersabda, Barangsiapa yang beribadah pada malam Qadar, dengan keimanan dan perhitungan ( semata-mata mengharap keredhaan Allah ), diampuni Tuhan segala dosanya yang terdahulu. ( H.R. Bukhari dan Muslim )

**Dari Abu Hurairah ra berkata ia, telah bersabda Rasulullah saw, "Tiap amalan anak Adam digandakan pahalanya antara sepuluh sampai 700 kali, telah berfirman Allah 'azza wajalla, kecuali puasa, kerana sesungguhnya puasa itu untukKu dan Akulah yang akan membalasnya, ditinggalkan keinginan hawa nafsu dan makanannya kerana Aku semata-mana". ( H.R Muslim )**